

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI ROBERT LAWSON CHUAT  
[BETONG]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

**SOALAN**

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan apakah perancangan kementerian untuk merancakkan lagi sektor peruncitan dan sektor perdagangan pengedaran selaras dengan usaha Kerajaan untuk memulihkan semula ekonomi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sektor Perdagangan Pengedaran merupakan komponen penting dalam ekonomi Malaysia, ianya menyumbang **17.2% kepada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019**. Walau bagaimanapun, sumbangan Sektor P[erdagangan Pengedaran pada tahun 2020 menyaksikan penguncupan kepada 16.97% **disebabkan oleh kesan krisis pandemik global Covid-19 terhadap ekonomi dunia**. Prestasi sektor ini juga semakin terkesan pada tahun 2021 dengan menyaksikan penurunan prestasi bagi suku kedua tahun 2021 mencatatkan -2.1%.

Tidak diragukan lagi, pandemik Covid-19 merupakan cabaran ekonomi terbesar yang dihadapi negara sejak merdeka, melampaui krisis kewangan Asia pada tahun 1997. Perniagaan terdedah kepada risiko baru iaitu dari gangguan rantai bekalan hingga menyebabkan **lebih banyak program/projek intervensi terpaksa diselaraskan semula untuk sampai kepada pengguna**. Ianya mendorong beberapa perubahan dalam sektor perdagangan pengedaran, terutamanya dari segi perubahan model perniagaan hingga perubahan struktur ekonomi. Dengan penutupan beberapa sektor utama perdagangan pengedaran (peruncitan) dibawah PKP/PPN ianya sangat memberikan kesan kepada ekonomi negara.

Dalam hubungan tersebut, Kementerian telah mengambil beberapa inisiatif dengan bekerjasama rapat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi **melonggarkan 36 sub sektor perdagangan pengedaran dalam memulih kembali ekonomi domestik negara**. Ianya dilihat sangat signifikan dan positif dengan pembukaan secara berperingkat bermula daripada 16 Ogos 2021 sehingga kini.

Pada masa yang sama, bagi merancakkan semula aktiviti sektor peruncitan yang terkesan akibat PKP/PPN, Kementerian ini telah merangka **Program Jualan Malaysia (PJM) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM)** bagi merancakkan dan memulihkan Sektor Peruncitan.

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan Kempen **Pembudayaan Norma Baharu Sektor Peruncitan** bagi memastikan Standard Operating Procedure (SOP) Sektor Peruncitan dapat dipatuhi dan dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih.